

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: PUSAT KONVENSYEN PUTRAJAYA
Tarikh: 21-07-2004
Tajuk : MAJLIS SAMBUTAN HARI KOPERASI NEGARA 2004

Bismillahirrahmanirrahim

Y.B. Dato' Mohamed Khaled bin Nordin
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Y.Bhg. Datuk Zakiah bte Hashim
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan
Koperasi

Y.Bhg. Dato' Zainuddin bin Hj. Abdul Rahman
Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan
terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan
Koperasi serta seluruh warga Koperasi kerana menjemput
saya untuk merasmikan Hari Koperasi Negara 2004.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Gerakan Koperasi di negara ini yang mula
diperkenalkan pada tahun 1922 telah memainkan peranan
yang amat penting dalam pembangunan ekonomi negara.
Sejak tahun lima puluhan gerakan Koperasi telah memasuki
pelbagai bidang ekonomi dan menjalankan pelbagai fungsi
seperti perumahan, pengangkutan, kemajuan tanah,
insurans, percetakan dan perkhidmatan bank. Sumbangan
gerakan Koperasi dalam pembangunan negara tidak boleh
dipandang rendah. Sehingga 31 Disember 2003, terdapat
sebanyak 4,469 buah Koperasi yang melibatkan seramai 5.2
juta ahli. Di samping itu, gerakan Koperasi melibatkan
nilai modal syer atau yuran sebanyak RM 5.6 bilion dan
memiliki nilai aset berjumlah RM 25.1 bilion.

3. Dalam masa 10 tahun yang lepas, terdapat penambahan

bilangan Koperasi yang didaftarkan, jumlah keanggotaan, jumlah syer atau yuran dan aset koperasi. Dari segi sumbangan Koperasi kepada pembangunan ekonomi pula, terdapat sejumlah RM 2.7 bilion wang Koperasi yang didepositkan di dalam bank-bank di Malaysia. Jumlah ini adalah amat besar di mana ianya boleh dimobilisasikan untuk membiayai aktiviti-aktiviti kredit kepada rakyat. Jumlah wang ini menyediakan potensi yang besar kepada Koperasi dalam usaha untuk membiayai sektor-sektor lain seperti perusahaan-perusahaan kecil. Dalam konteks ini, satu dasar telah dibentangkan oleh kerajaan untuk membantu pergerakan Koperasi negara iaitu Dasar Koperasi Negara (DKN) sebagai asas panduan supaya gerakan Koperasi lebih aktif dan berkesan dalam menjalankan peranannya membangunkan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Dasar Koperasi Negara (DKN) yang dilancarkan pada 29 Januari 2004 merupakan satu dasar yang menentukan arah tuju gerakan Koperasi pada masa kini dan masa hadapan. DKN seharusnya menjadi aspirasi dan panduan kepada gerakan Koperasi dalam usaha untuk memartabatkan lagi gerakan ini supaya lebih relevan, berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing. Pelancaran DKN merupakan satu titik tolak bagi gerakan Koperasi untuk menjadi sebuah institusi yang mampu membantu pertumbuhan ekonomi seiring dengan sektor awam dan swasta. Gerakan Koperasi di seluruh tanah air seharusnya menjadikan tarikh pelancaran DKN yang lalu sebagai era baru Koperasi yang boleh memberikan suntikan dan semangat baru dalam gerakan Koperasi di negara ini.

5. Sungguhpun gerakan Koperasi negara telah menunjukkan perkembangan yang positif, ianya masih dianggap sebagai satu sektor yang belum boleh dikatakan mencapai tahap yang cemerlang. Gerakan Koperasi masih menghadapi pelbagai masalah dan salah satu masalah yang ketara dalam gerakan Koperasi di negara ini ialah yang berkaitan dengan isu profesionalisma. Tidak salah jika saya katakan bahawa kebanyakan Koperasi di negara ini yang mengalami kegagalan mahupun kerugian adalah kerana pada asasnya Koperasi tidak dijalankan secara profesional. Kita dapati bahawa bilangan kakitangan profesional dalam gerakan Koperasi di negara ini sungguh kecil iaitu hanya 9% dari jumlah kakitangan seramai 8,976 orang yang mengendalikan Koperasi di negara ini.

6. Ini berbeza dengan keadaan di luar negara di mana kebanyakan Koperasi dijalankan oleh kakitangan sepenuh masa. Misalnya The Co-Operative Group, United Kingdom, mempunyai 70,000 orang pekerja dan 3,000 kedai runcit serta menjalankan jualan melalui Internet. Koperasi ini mempunyai 39 pasaraya, 350 cawangan agensi pelancongan dan 500 pusat perkhidmatan pengkebumian di seluruh United Kingdom. Di samping itu, Koperasi tersebut juga mempunyai sebuah bank dengan pelanggan berjumlah 4.5 juta dan mempunyai rangkaian kedai farmasi keempat terbesar di United Kingdom dengan 300 buah kedai. Dalam aktiviti pertanian pula, Koperasi ini menguruskan 35,000 hektar tanah pertanian di England dan Scotland. Dari segi prestasi perniagaan, pada tahun 2003, Co-Op Group mencatatkan keuntungan melebihi RM 2 billion Ringgit Malaysia.

7. Di negara Jepun pula, salah satu kesatuan yang berjaya ialah Japanese Consumers' Co-Operative Union (JCCU). Kesatuan Koperasi ini dianggotai sebanyak 642 buah Koperasi pengurusan dengan mengambil seramai 953 orang pekerja sepenuh masa. Jumlah jualan borong ialah sebanyak 304 bilion Yen atau RM 9.1 bilion - satu angka yang cukup besar. Antara lain Kesatuan Koperasi ini menentukan dasar Koperasi negara Jepun serta merancang membangunkan permintaan dan penawaran produk jenama Koperasi. Ia juga menceburi bidang-bidang perniagaan lain seperti insurans, agensi pelancongan dan mengendalikan kursus untuk pengurusan dan pendidikan kakitangan Koperasi melalui kursus dan seminar. Peranan utamanya ialah untuk memudahkan rangkaian Koperasi menjalankan perniagaan peruncitan melalui operasi pasaraya dan melalui sistem pesanan (joint purchase system). Kaedah ini telah meningkatkan 30% jualan pasaraya Kesatuan Koperasi tersebut. Gerakan Koperasi di negara ini boleh di pertingkatkan lagi jika usaha-usaha di jalankan sepertimana Koperasi di luar negara seperti di United Kingdom dan Jepun. Perkara-perkara seperti etika kerja, mempunyai sikap dan minda terbuka, profesionalisma dan sebagainya perlu di terapkan di dalam budaya kerja.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Isu kedua yang harus kita tangani ialah bagaimana untuk memperluaskan aktiviti gerakan Koperasi

supaya produk dan perkhidmatan yang disediakan dapat bersaing di pasaran dan dapat memberikan keuntungan kepada Koperasi seterusnya menghasilkan pulangan yang lebih baik kepada ahli.

9. Dalam menangani isu seperti ini, Koperasi haruslah mempertingkatkan kecekapan untuk terus bersaing dengan berkesan dalam menyediakan perkhidmatan kepada anggota dan juga perlu mengenal pasti produk-produk baru untuk dimajukan bagi faedah anggota. Dalam bidang pinjaman contohnya, Koperasi perlu menyediakan kemudahan kredit yang lebih baik dan menarik dalam pelbagai bentuk pinjaman baru dengan kadar faedah yang berpatutan dan lebih mudah. Koperasi juga seharusnya menawarkan produk-produk berasaskan keperluan baru seperti menyediakan kemudahan kesihatan, melaksanakan projek pelancongan dan pendidikan serta membantu anggota melalui tabung-tabung yang telah diwujudkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Tindakan Kerajaan untuk meletakkan gerakan Koperasi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan menunjukkan pendirian Kerajaan untuk membangunkan Koperasi sebagai satu entiti yang berlandaskan kepada keusahawanan. Bagi memastikan perkembangan gerakan Koperasi mencapai tahap cemerlang, semua Koperasi haruslah menerapkan budaya keusahawanan dalam pelaksanaan aktiviti-aktivitinya. Ini adalah selaras dengan kedudukan Koperasi pada masa ini yang ditempatkan di bawah kementerian baru. Dalam hal ini tuan-tuan dan puan-puan hendaklah sentiasa berfikiran lebih terbuka dengan menceburi diri dalam pelbagai bidang ekonomi yang berkembang pesat dan merebut peluang-peluang daripada pertumbuhan ekonomi negara. Selaras dengan itu, koperator atau pemimpin gerakan Koperasi harus berfikir seperti ahli perniagaan dan bertindak sebagai satu entiti perniagaan dengan menyemai dan membentuk budaya keusahawanan bagi memajukan lagi Koperasi ke tahap yang lebih tinggi.

11. Dalam konteks ini, saya amat tertarik dengan usaha Kementerian untuk mempertingkatkan lagi Pusat Bimbingan Usahawan yang terdapat di daerah-daerah ke tahap yang lebih menyeluruh di seluruh negara. Cadangan pemantapan melalui pendekatan Pusat Bimbingan Usahawan Setempat di Pusat Bimbingan Usahawan Negeri, Pusat Usahawan MARA dan

Pejabat MARA Daerah dijangka dapat meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian dan penyebaran bahan-bahan serta maklumat keusahawanan di setiap peringkat pentadbiran dari pusat hingga ke daerah-daerah. Koperasi-koperasi di samping menjalankan aktiviti-aktiviti yang sedia ada diharap dapat memikirkan bidang-bidang keusahawanan yang boleh meningkatkan keuntungan kepada Koperasi. Sektor Koperasi harus menjadi saluran ke arah menggalakkan Bumiputera dalam bidang pembangunan ekonomi negara. Sektor Koperasi boleh membantu peningkatan usahawan Bumiputera dan seterusnya merealisasikan hasrat Kerajaan membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

12. Saya difahamkan Kementerian ini telah mewujudkan projek Satu Daerah Satu Industri yang juga melibatkan penyertaan gerakan Koperasi. Oleh itu, saya berharap Koperasi-koperasi dapat mengambil manfaat daripada projek ini kerana segala kemudahan dan infrastruktur telah disediakan oleh Kerajaan. Ini meliputi latihan dan bimbingan mengenai kaedah berniaga, bantuan modal pusingan dari tabung yang diwujudkan, menggalakkan pemasaran dan promosi melalui galeria dan ruang-ruang pameran dan niaga yang disewakan, dan juga institusi dan pusat bimbingan usahawan yang diwujudkan di seluruh negara. Saya berharap dengan kemudahan dan infrastruktur ini, usahawan Koperasi yang berkualiti dapat dilahirkan dengan keluaran produk yang lebih berkualiti dan berdaya saing. Melalui sumber-sumber yang ada, Koperasi hendaklah secara berperingkat-peringkat menyusun strategi untuk melahirkan usahawan Koperasi yang bermula daripada saiz kecil-kecilan dan seterusnya meningkat menjadi usahawan Koperasi bersaiz sederhana dan akhirnya yang bersaiz besar. Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

13. Pada masa ini, isu tadbir urus ataupun 'governance' dalam Koperasi telah menarik perhatian anggota dan masyarakat umum. Anggota-anggota Koperasi mempunyai harapan yang tinggi terhadap isu 'governance' koperasi yang baik memandangkan mereka mempunyai kepentingan dalam sesebuah Koperasi atau pun bakal Koperasi yang akan dianggotai. Dalam hubungan ini, antara isu tadbir urus yang sering berbangkit melibatkan hak dan tanggungjawab di antara anggota lembaga dan anggota Koperasi, hubungan antara Koperasi dan anggota serta kelemahan pengurusan Koperasi yang telah

menyebabkan kegagalan projek-projek yang dilaksanakan oleh Koperasi.

14. Isu-isu yang saya sebutkan ini mencerminkan pentingnya prinsip tadbir urus dijadikan nadi dan nyawa gerakan Koperasi. Pengawasan dan penguatkuasaan mesti dijalankan dengan teliti supaya gejala yang kurang sihat ini yang mungkin menjejaskan prestasi Koperasi dapat dibendung seawal-awalnya. Untuk tujuan ini, inisiatif Kementerian untuk memperkenalkan dan melancarkan Kod Etika Koperasi (ETIKOP) pada hari ini amat relevan dan bertepatan dengan masa. Etika atau himpunan nilai murni sejagat ini akan menjadi piawai bagi tingkah laku Koperasi dan seterusnya menjadi garis panduan dalam menguruskan perjalanan Koperasi. ETIKOP merupakan satu usaha peningkatan kefahaman dan komitmen terhadap integriti dan akauntabiliti di kalangan masyarakat Koperasi dan mereka yang berurusan dengannya. Seperti sektor-sektor lain, pergerakan Koperasi sepatutnya telah lama memperkenalkan etika ini memandangkan bilangan Koperasi semakin meningkat dengan keanggotaan masa kini yang meliputi 20 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Justeru itu, adalah diharapkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan sentiasa membudayakan kod etika ini bagi memastikan integriti dan akauntabiliti dalam semua aspek tugas dan tanggungjawab dalam gerakan Koperasi. Penerapan, pengamalan dan penghayatan nilai-nilai murni perlu sentiasa diperkukuhkan dan dijadikan amalan yang berterusan.

15. Dalam konteks tadbir urus atau isu 'governance' ini, adalah tidak lengkap sekiranya saya tidak menyentuh mengenai Pelan Integriti Nasional (PIN). Selaras dengan itu, kita perlu memperkukuhkan nilai dan inovasi, integriti dan akauntabiliti dalam masyarakat kita bagi meningkatkan pertumbuhan dan daya saing untuk menjamin kesejahteraan rakyat yang berterusan. Pelan integriti ini menuntut penglibatan semua pihak termasuk juga gerakan Koperasi bagi memantapkan lagi pengurusan operasi dan mengelakkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan juga rasuah. InsyaAllah kejayaan kita melaksanakan pelan ini pastinya akan membantu meningkatkan lagi imej gerakan Koperasi di seluruh negara. Ini sekaligus akan dapat menarik lebih ramai lagi masyarakat kita untuk terlibat dalam gerakan Koperasi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Program untuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya saing dan berdaya tahan akan diteruskan. Program berpakej seperti Program Pembangunan Vendor, Program Pembangunan Francais, Skim Modal Teroka dan usahasama akan terus digalakkan untuk membantu membangunkan masyarakat usahawan Bumiputra. Oleh itu, gerakan Koperasi boleh mengambil peluang ini dengan meneroka dan meluaskan peluang-peluang perniagaan terutama dalam bidang francais. Saya yakin perniagaan francais berpotensi untuk terus berkembang di negara. Sejajar dengan hasrat dan aspirasi Dasar Koperasi Negara, masanya sudah sampai bagi Koperasi melangkah lebih jauh dalam arena ekonomi serta mempelbagaikan aktiviti perniagaannya. Dalam hubungan ini, suka saya tegaskan bahawa bidang perniagaan francais memberi peluang perniagaan yang lebih besar dari segi skala ekonomi serta penyatuan sumber, dan sekali gus lebih berpotensi untuk berkembang dan berdaya saing berbanding dengan perniagaan konvensional. Oleh itu, penglibatan gerakan Koperasi dalam bidang perniagaan ini adalah amat sesuai sekali dengan tema Hari Koperasi Negara 2004 iaitu 'Koperasi Penggerak Pembangunan Ekonomi'.

17. Dalam usaha menjadi penggerak yang berkesan dalam pembangunan ekonomi, Koperasi haruslah mengujudkan imej yang disegani melalui pengurusan yang bersih, cekap dan amanah. Imej yang baik ini bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan anggota tetapi juga sektor swasta yang boleh mewujudkan kerjasama perniagaan dalam menggerakkan pembangunan ekonomi negara. Kerjasama seperti ini perlu dipertingkatkan lagi dalam usaha kita menangani masalah-masalah yang berlaku akibat globalisasi dan liberalisasi.

18. Bagi membolehkan gerakan Koperasi terlibat dalam pelbagai aktiviti komersil ianya memerlukan modal yang besar sedangkan sebahagian besar Koperasi pula adalah bersaiz kecil dan sederhana dengan modal syer/yuran yang tidak mencukupi. Bagi menangani masalah ini, kerjasama antara Koperasi mesti dipergiat dan dipertingkatkan lagi. Perkongsian bistari ataupun 'smart partnership' dengan syarikat swasta bukan sahaja akan membolehkan koperasi mengemblenkan sumber modal yang diperlukan akan tetapi ianya akan mendedahkan Koperasi kepada budaya kerja swasta yang mampu meningkatkan

keupayaan pengurusan Koperasi.

19. Dalam hubungan ini, saya mencadangkan supaya gerakan Koperasi mengkaji kemungkinan untuk bekerjasama dengan 'direct selling companies' atau syarikat jualan langsung. Kita sedia maklum, salah satu kekuatan yang ada pada Koperasi ialah rangkaian anggota yang amat besar. Justeru itu, Koperasi boleh bekerjasama dengan syarikat jualan langsung untuk menjual produk yang telah dikenalpasti terlebih dahulu. Pada masa yang sama, produk-produk yang dihasilkan oleh Koperasi boleh juga dipasarkan melalui kerjasama tersebut. Sistem jualan langsung amat popular di negara ini dan adalah baik sekiranya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi boleh bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengenalpasti syarikat-syarikat jualan langsung yang berwibawa. Ini adalah satu idea yang mungkin boleh dikaji bersama.

20. Koperasi juga harus terlibat dalam pelaksanaan projek-projek besar serta terlibat di peringkat antarabangsa. Dengan itu, penggabungan antara Koperasi wajar dilaksanakan. Melalui penggabungan ini Koperasi-koperasi yang terlibat akan dapat menggembelngkan sumber modal yang diperlukan di samping meningkatkan kecekapan pengurusan dan mengurangkan kos serta mendapat faedah daripada skala ekonomi. Justeru, saya menyeru supaya gerakan Koperasi mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi memartabatkan lagi gerakan Koperasi di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

21. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang anugerah yang akan diumumkan nanti. Anugerah ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sememangnya mengiktirafkan peranan gerakan Koperasi dalam memberi sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi negara ini. Adalah diharapkan supaya anugerah ini akan memberi semangat kepada Koperasi-koperasi untuk meningkatkan prestasi supaya mempunyai peluang untuk dipilih sebagai Koperasi berjaya pada tahun hadapan.

22. Akhir kata marilah kita bersama-sama berdoa agar dengan usaha yang gigih dan berterusan Koperasi dan anggota-anggotanya akan berjaya sebagai pemangkin serta penggerak utama dalam menyumbang kepada pembangunan

ekonomi negara. Gerakan Koperasi yang lebih agresif dan berani dalam usaha meneroka dan mengambil peluang daripada perkembangan ekonomi global, akan pasti berjaya bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

23. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Koperasi Negara 2004.

Sekian, terima kasih. Wabillah Hitaufik Walhidayah
Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.